

R  
ACH - 9354  
INVC 15/11/01 Inv  
.....

MASALAH SALAH TULIS DAN SALAH GUNA PERKATAAN  
DALAM KARANGAN BAHASA CINA  
PELAJAR TINGKATAN SATU

Fan Pik Shy

Kertas Projek Yang Dikemukakan Kepada Fakulti Pendidikan,  
Universiti Malaya Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada  
Keperluan Untuk Ijazah Sarjana Pendidikan

1998

Perpustakaan Universiti Malaya



A510025224

OK

## **ABSTRAK**

Kajian ini cuba meninjau masalah salah tulis dan salah guna perkataan dalam karangan bahasa Cina yang dilakukan oleh pelajar Tingkatan Satu. Masalah-masalah ini ditinjau dari dua aspek, iaitu jumlah kesalahan dan jenis-jenis kesalahan yang dilakukan oleh sampel. Selain itu, faktor-faktor yang menyebabkan pelajar melakukan kesalahan tersebut juga ditinjau.

Sampel kajian ini terdiri daripada 40 orang pelajar Tingkatan Satu yang dipilih secara rawak. Maklumat tentang salah tulis dan salah guna perkataan diperoleh daripada karangan pelajar. Sejumlah 160 buah karangan yang panjangnya setiap karangan kira-kira 200 patah perkataan telah dikumpulkan dan dianalisis. Maklumat tentang faktor-faktor yang menyebabkan kesalahan tersebut pula diperoleh daripada temubual dengan guru dan pelajar terpilih dengan menggunakan skedul temubual. Dapatan kajian adalah seperti berikut:-

1. Pelajar-pelajar ini telah melakukan 80 kesalahan atau 27.03% salah tulis perkataan dan 216 kesalahan atau 72.97% salah guna perkataan daripada sejumlah 296 kesalahan yang telah dilakukan. Ini bermakna bahawa nisbah bagi salah tulis dan salah guna ialah 1:2.7.
2. Penganalisisan data juga menunjukkan bahawa purata kesalahan bagi setiap karangan ialah 1.85 kali.

3. Jenis-jenis salah tulis perkataan utama yang dilakukan oleh pelajar ialah kesalahan dari segi radikal atau komponen, berlebihan ‘stroke’ dan kekurangan ‘stroke’.
4. Jenis-jenis utama salah guna perkataan yang dilakukan oleh pelajar pula adalah disebabkan pelajar tidak dapat membezakan bentuk perkataan yang hampir sama dan bunyi perkataan yang hampir sama atau sama, ataupun kedua-duanya.
5. Kajian ini juga mendapati bahawa faktor-faktor yang telah menyebabkan pelajar melakukan salah tulis dan salah guna perkataan ialah: faktor dalam bahasa (terlalu banyak ‘stroke’, terlalu banyak radikal atau komponen yang hampir sama, terlalu banyak perkataan yang mempunyai bentuk atau bunyi yang hampir sama); faktor psikologi (terlupa, terpengaruh oleh perkataan yang terletak sebelum atau selepas sesuatu perkataan, tidak faham akan makna perkataan); faktor media cetak, faktor pengajaran guru dan faktor sikap pelajar.

Dapatan kajian ini bermanfaat kepada para guru, pelajar, penerbit buku teks dan rujukan, serta pihak Pusat Perkembangan Kurikulum. Dengan ini diharapkan kita dapat bersama-sama berganding bahu untuk mengatasi masalah ini demi meningkatkan mutu karangan pelajar.

# **THE PROBLEM OF MISWRITTEN CHINESE CHARACTERS AND THE USE OF INCORRECT WORDS IN CHINESE COMPOSITION OF FORM ONE STUDENTS**

## **ABSTRACT**

This study attempts to investigate the problem of Form One students in writing and using the incorrect words in their Chinese essays. These problems can be viewed from two aspects : firstly, the total number of mistakes made and secondly, the types of mistakes made by the students. Besides, the factors contributing to their mistakes were also investigated.

A total of 40 students were randomly chosen to be the samples of the study. Information regarding the mistakes made by the students were collected through students' essays. A total of 160 essays with about 200 words each have been collected for analysis. Information regarding factors contributing to those mistakes were collected through the use of interview schedule. The findings obtained were as follows:-

1. From the 296 mistakes made, 80 or 27.03% were mistakes in writing the Chinese characters and 216 or 72.79% were mistakes in using the appropriate words. This means the mistakes in writing wrong characters and the mistakes in using wrong words are in the ratio of 1 : 2.7.
2. Analysis of the data also shows that the average number of mistakes made in each essay is 1.85.

3. In the case of writing wrong characters, the main mistakes made by students include those from the aspects of radical or component, too many or too few strokes being used.
4. In the case of using wrong words, the main types of mistakes made are caused by the inability of students to differentiate between characters having similar figure or shape, words having the same or similar sound or both.
5. This study also finds out the factors causing the students to make such mistakes. They include: the intralanguage factor (too many strokes, too many similar radicals or components, too many words having similar shapes or sounds), the psychological factor (the students forget, or they are influenced by words before or after the word concerned, or they do not understand the meaning of the word), the printing media factor, the teaching factor and the student factor (careless attitude).

The results from this study may be useful to teachers, students, the text books and reference books publishers, and the Curriculum Development Centre. It is hoped that we can cooperate to overcome these problems so as to improve the quality of the students' essays.

## **PENGHARGAAN**

Saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia saya, Encik Lee Pau Wing yang telah banyak membimbing dan memberikan tunjuk ajar kepada saya dalam usaha saya menyiapkan kertas projek ini. Kritikan dan cadangan beliau amat bermilai kepada saya untuk memperbaiki kekurangan yang ada.

Ucapan terima kasih juga saya tujuarkan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan, dan Jabatan Pendidikan Selangor yang membenarkan saya menjalankan kajian di sekolah.

Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih saya tujuarkan kepada Pengetua Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Katholik, Petaling Jaya, Encik Lee Kim Tian yang memberikan keizinan untuk saya menjalankan kajian di sekolahnya. Kepada semua guru yang menolong saya dan pelajar yang sudi serta sanggup menjadi sampel kajian saya juga tidak saya lupa ucapkan terima kasih.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Cik Ngan Foong Yeen dan Puan Ong Tit Lean yang sudi meluangkan masa untuk menyemak penggunaan bahasa Melayu dalam laporan kertas projek ini.

Di samping itu, saya juga ingin merakamkan terima kasih dan penghargaan saya kepada rakan seperjuangan saya, iaitu Chin Sau Kheong, Lim Yoke Leng, Lau Suk Khin, Tan Ah Ba dan Cheun Heng Huat yang telah banyak memberikan bimbingan, tunjuk ajar, kritikan membina kepada saya dalam menyiapkan kertas projek ini, dan khususnya sepanjang tempoh pengajian kursus sarjana saya.

Akhir sekali, penghargaan adalah istimewa untuk ayahku Fan Yeok Foong, ibuku Chin Boon Jin dan semua ahli keluarga saya yang sentiasa memberikan sokongan moral kepada saya.

Jasa kalian tidak akan saya lupakan buat selama-lamanya.

## KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
KANDUNGAN	vii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI JADUAL	x

### BAB SATU : PENGENALAN

1.1	Ciri-Ciri Tulisan Bahasa Cina	1
1.2	Kepentingan Kemahiran Menulis Karangan	3
1.3	Penulisan Karangan dalam Mata Pelajaran Bahasa Cina KBSM	5
1.4	Ciri-Ciri Karangan yang Baik	7
1.5	Pernyataan Masalah	11
1.6	Tujuan Kajian	14
1.7	Soalan Kajian	14
1.8	Kepentingan Kajian	15
1.9	Batasan Kajian	15
1.10	Definisi Istilah-istilah Penting	16

**BAB DUA : TINJAUAN KARYA DAN KAJIAN YANG BERKAITAN**

2.1	Kajian Kesalahan Bahasa dalam Karangan	19
2.2	Kajian tentang Kesalahan Ejaan dalam Karangan	24
2.3	Kajian tentang Salah Tulis dan Salah Guna Perkataan dalam Karangan Bahasa Cina	27

**BAB TIGA : METODOLOGI**

3.1	Pendahuluan	33
3.2	Pemilihan Tempat Kajian	33
3.3	Pemilihan Sampel Kajian	34
3.4	Cara Pengumpulan Data	35
3.5	Prosedur Kajian	38

**BAB EMPAT : ANALISIS DAN DAPATAN**

4.1	Pendahuluan	39
4.2	Adakah Terdapat Perbezaan dari Segi Jumlah Kesalahan antara Salah Tulis perkataan dengan Salah Guna Perkataan dalam Karangan Pelajar Tingkatan Satu?	40
4.3	Apakah Jenis-jenis Salah Tulis dan Salah Guna Perkataan yang Dilakukan oleh Pelajar dalam Karangan?	41
4.4	Apakah Faktor-faktor yang Menyebabkan Pelajar Melakukan Salah Tulis dan Salah Guna Perkataan?	49
4.5	Kesimpulan	50

**BAB LIMA : RUMUSAN DAN IMPLIKASI KAJIAN**

5.1	Dapatan Kajian dan Perbincangan	52
5.2	Implikasi	61
5.3	Cadangan Terhadap Kajian-kajian Selanjutnya	68
5.4	Penutup	69

**SENARAI RUJUKAN:** 70

LAMPIRAN :	I	Senarai Perkataan Salah Tulis	78
	II	Senarai Perkataan Salah Guna	81
	III	Skedul Soalan Temubual untuk Guru	86
	IV	Skedul Soalan Temubual untuk Pelajar	87
	V	Contoh-contoh Karangan Pelajar	88
	VI	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian di Sekolah daripada Jabatan Pendidikan Selangor	91

**SENARAI RAJAH**

Rajah 1 : Rajah Proses Penghasilan Penulisan	9
Rajah 2 : Carta Aliran Prosedur Kajian	38

## SENARAI JADUAL

Jadual 1 : Tajuk dan Bilangan Karangan yang Diambil untuk Penganalisisan	36
Jadual 2 : Jumlah dan Peratus Kesalahan Salah Tulis dan Salah Guna Perkataan	40
Jadual 3 : Jumlah dan Peratus Kesalahan bagi Salah Tulis Perkataan	41
Jadual 4 : Jumlah dan Peratus Kesalahan bagi Salah Guna Perkataan	45